

30/01/2002

Pemikiran tertutup halang usaha bina empayar Islam

Ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis perasmian Persidangan Isu dan Proses pembukaan Minda Umat Melayu Islam di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur semalam.

APABILA orang Melayu ditakluk oleh Portugis pada tahun 1511, mereka sudahpun beragama Islam. Sejak menganuti agama Islam budaya orang Melayu amat dikuasai oleh agama Islam. Mereka tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam.

Mereka menerima agama Islam kerana orang Arab Yaman dan orang India Islam bukan saja berani melintasi laut yang luas dan bergelora tetapi mereka adalah pedagang yang amat berjaya. Sebagai pedagang yang kaya mereka dapat menjalin hubungan dengan raja-raja Melayu. Akhirnya mereka berjaya mengIslamkan raja-raja Melayu dan seterusnya rakyat Melayu.

Yang harus kita ambil perhatian ialah jika orang Arab dan India Islam ini kecil miskin, daif dan menjadi kuli orang lain, tidak mungkin mereka mendekati elit Melayu dan tidak mungkin mereka mengembangkan Islam di kalangan raja dan rakyat Melayu. Mustahil kalau mereka mendakwa walaupun mereka miskin tetapi di akhirat mereka akan ditempatkan di syurga, sebaliknya raja-raja Melayu akan ditempatkan di neraka, maka raja-raja Melayu akan mempercayai mereka. Kejayaan mereka di dunialah yang menarik perhatian dan mempengaruhi orang Melayu.

Hakikat ini perlu kita sedari jika kita ingin membuka minda sesiapa dan kita ingin mengembangkan kepercayaan kita, agama kita. Sekarang ini oleh kerana rata-rata orang Islam daif dan ketinggalan dalam hampir semua bidang mereka bukan saja tidak berpengaruh malah mereka dan agama Islam dihina. Kononnya kekayaan dan kemajuan di dunia tidak perlu untuk mendapat tempat di akhirat adalah pendapat orang yang kecewa. Orang yang kecewa seperti ini bukanlah jenis yang boleh mengembangkan agama Islam dan mendirikan empayar Islam.